

Qalam

Bilangan 122 Rabi' al-Awwal 1380, September 1960, 60 sen

Ke mana kita dibawa?

Tuan Rajaratnam, Menteri Kebudayaan Singapura
tatkala bercakap mengenai kebudayaan Melayu tidak
boleh dijadikan teras kebudayaan kebangsaan di Singapura,
di antara lain-lain dikatakan telah berkata:

“..... kebudayaan Melayu tidak diterima oleh
seluruh rakyat kerana beberapa segi dari kebudayaan
bercorak agama.

“Boleh jadi, aspek bunyi-bunyian dari kebudayaan
Melayu dapat diterima.

“Kebudayaan Melayu tidak boleh menjadi dasar
satu kebudayaan nasional. Bagaimana pun, peranan itu
akan dipenuhi oleh bahasa kebangsaan.”

Untuk memberi pengertian kepada corak kebudayaan,
Menteri Kebudayaan itu menyatakan: “Apakah kebudayaan?
Kebudayaan berubah konsepnya dengan peredaran masa.
Hari ini di negeri China kebudayaan itu ialah kebudayaan
Marxis.

“Apa yang diperlukan ialah dasar untuk satu
kebudayaan nasional yang tidak bercorak perkauman”.

Keterangan yang diberi oleh Menteri Kebudayaan ini
terbitnya adalah daripada jawapan kerajaan yang diucapkan oleh
Ahmad Ibrahim, Menteri Kesihatan tentang soalan adakah
kebudayaan Melayu itu diterima sebagai teras kebudayaan
kebangsaan.

Melihat jawapan ini, terang dikatakan oleh Menteri
Kebudayaan, bahawa kebudayaan Melayu tidak dapat diterima
kerana kebudayaan Melayu itu bercorak agama. Konsep
kebudayaan itu, katanya berubah-ubah kerana peredaran masa

dan kerana itulah hari ini kebudayaan di negeri China
telah berubah menjadi kebudayaan *Marxis*.

Dengan dua perkara ini, kalau dijadikan satu
dan melihat pula tentang dasar parti yang memerintah sekarang
bersifat sosialis yang tentunya berdasarkan *Marxis*,
sama ada *Marxis* kanan atau kiri, maka ini adalah harus
menjadi suatu bayangan bahawa cita-cita hendak mengubah dasar
kebudayaan yang bersifat agama kepada sifat *Marxis* itu
harus dilaksanakan, sedang orang-orang Melayu umumnya telah
mengambil suatu keputusan di dalam Kongresnya di Melaka
dahulu mengambil suatu keputusan yang teguh, bahawa
kebudayaan yang bersifat agama kepada sifat *Marxis* itu
ajaran Islam. Selain itu penduduk Singapura
umumnya orang yang beragama.

Dengan ini pula orang-orang boleh menyangka bahawa nanti
apabila kebudayaan Melayu tidak dijadikan teras kebudayaan
kebangsaan itu maka apabila orang-orang Melayu mengemukakan
kebudayaannya sendiri, mengikut dasar yang diputuskannya
di dalam Kongres di Melaka itu maka dengan sendirinya nanti
merekah akan dituduh orang-orang perkauman seperti yang biasa
dibuat. Ini jelas diterangkan oleh Menteri Kebudayaan itu
dengan katanya:

“Yang diperlukan dasar untuk satu
kebudayaan nasional yang tidak bercorak perkauman.”

Adalah menjadi suatu pertanyaan, adakah menjadi
suatu acara yang sedang dijalankan sekarang, dengan tidak
menerima kebudayaan Melayu itu menjadi teras kebudayaan
nasional sebagai suatu langkah membuat suatu dasar
baharu di dalam kebudayaan yang dengan sendirinya akan merombak
dasar-dasar keagamaan dengan dasar-dasar yang tidak bertuhan? Ini
adalah meliputi – sebab peri hidup seseorang
sekarang adalah meliputi kehidupan tiap-tiap seseorang dan
orang-orang beragama sangat kuat memegang erti hidupnya beragama.
Untuk mengubah kebudayaan dalam hidup beragama itu, maka
berbagai-bagai acara dijalankan. Ini adalah mustahak diperhatikan
oleh umat Islam. Satu daripada cara yang besar untuk

memancing kita ialah dengan menggunakan alat kebudayaan, iaitu bahasa. Dengan bahasa sebagai daya penarik maka kita mesti berhati-hati pula dan mustahak pula bagi kita menggunakan bahasa itu sebagai alat untuk meneguhkan kebudayaan kita Melayu yang tidak bertentangan dengan ajaran agama Islam.

Akibat perselisihan ulama-ulama

Perselisihan-perselisihan pendapat di antara ulama-ulama kita kerap berlaku. Apabila terbit sesuatu soal yang ada khilaf

di dalamnya maka timbullah beberapa orang ulama kita menulis membahas sesuatu yang timbul daripadanya. Perbahasan-perbahasan itu dahulunya adalah dengan cara yang baik - masing-masing memberi hujah dan pendapatnya di dalam hukum yang di bahas itu.

Cara seperti ini, tidak ditegah oleh agama tetapi hendaklah ia di dalam suasana memberi pendapat atau hujah dengan cara yang baik, dengan menggunakan hujah-hujah yang baik, perkataan-perkataan yang beradab dan seumpamanya - agama tidak akan meluluskan jika di dalam berbahas itu menimbulkan *firqah* atau golongan, atau pun menerbitkan perbalahan.

Sesuatu perbahasan itu tidak akan menerbitkan bergolongan-bergolongan dan perbalahan jika sekiranya sesuatu perbahasan itu ditujukan semata-mata memberi penerangan dan penjelasan – berhujah di dalam perkara-perkara itu dengan tidak



Murid-murid yang telah mengambil bahagian dalam pertandingan akhir, bacaan al-Qur'an al-Karim bagi Sekolah-Sekolah Agama Terengganu, bergambar ramai bersama-sama Pesuruhjaya Agama Terengganu, Ustaz Bachik bin Abdul Jalil (kanan) dan Ustaz Mustafa Pegawai Daerah Dungun.

mengeluarkan sesuatu sindiran dengan mengecil-gecilkan seseorang atau merendahkan seseorang apabila menuduh seseorang yang lain itu tidak berhak membahas sesuatu.

Tetapi sekiranya sebaliknya, perbincangan itu, terutamanya di antara mereka yang terkenal ahli dalam agama sama ada yang telah bergelar ulama ataupun guru-guru agama (ustaz-ustaz) telah meluahkan batasan - mereka tidak lagi membahas akan apa yang menjadi perbincangan, tetapi telah mengeluarkan tuduhan-tuduhan dan kata mengata – maka akibatnya bukannya sahaja menerbitkan *firqah* dan perbalahan tetapi juga menjauhkan orang-orang daripada menyertai perbincangan itu dan menimbulkan orang-orang benci kepada persoalan-persoalan agama. Yang lebih buruk lagi akibat yang terbit daripadanya ialah seolah-olah menunjukkan gambaran bahawa inilah sifat orang-orang Islam, sifat ulama-ulama Islam – mereka mengguna kata-kata celupar terhadap lawannya seperti keadaan orang Cina berkelahi atau bertengkar. Inikah contoh daripada mereka yang dikatakan ulama? Inikah sifat-sifat yang di ajar oleh Allah dan Rasul-Nya?

Di manakah adanya *mau ‘izah al-ḥasanah* (pengajaran yang baik) dan *wa jādilhum bi al-latī hiya aḥsan* (berbincang atau berhujah dengan cara yang lebih baik daripada mereka) ? Adakah agama itu dijalankan dengan cara celupar? Ini tentu sekalian orang Islam, terutamanya ulamanya mengetahui dengan jelas tetapi malangnya sebahagian daripada mereka tidak dapat menahan hawa nafsunya daripada mengeluarkan perkataan-perkataan yang tidak patut dikeluarkan sekalipun terhadap kepada kanak-kanak sebab daripadanya orang dapat mengukur di mana kedudukan seseorang dan di mana kehormatan seseorang.

Marilah kita berterus terang melihat apa yang terjadi di dalam lingkungan cerdas pandai kita yang sangat-sangat mendukacitakan. Baharu-baharu ini, *ṣāhib al-faḍīlah* Syed Alwi bin Tahir al-Haddad, telah memberi fatwa, atas pertanyaan seseorang mengenai perkara sembahyang Jumaat iaitu seseorang yang bekerja yang takut akan diberhentikan kerja jika ia pergi menunaikan fardu Jumaat. Jawapan beliau dalam hal ini

demikian:

“Wajib atas pekerja-pekerja semuanya meminta izin untuk menunaikan fardu Jumaat tiap-tiap hari Jumaat, dan bagi mereka yang takut dibuang kerja seperti dia yakin kalau pergi berjumaat akan diberhentikan, maka atasnya dihukumkan uzur.”

Kita tidak hendak membahas tentang apa hukumnya atau apa kandungan fatwa ini. Yang kita persoalkan di sini ialah sambutan daripada orang-orang yang dikenal di dalam lingkungan agama. Sesudah fatwa itu disalin oleh akhbar tempatan yang tentunya ada terselindung sesuatu tujuan supaya perkara itu menjadi heboh maka berusaha mereka ini mencari orang-orang yang boleh diperalat dan dengan itu terjumalah



Johan bacaan al-Qur’ān al-Karīm Sekolah-Sekolah Agama Senegeri Terengganu, bahagian lelaki dan perempuan bersama-sama gurunya masing-masing, yang telah berlangsung pada 28 Julai

1960 yang lalu.

mereka dengan Tuan Haji Mas'ud Hayati, seorang anggota Dewan Agama UMNO, yang terus mengeluarkan suatu cercaan terhadap Mufti Johor dengan mengatakan bahawa Mufti Johor, dalam fatwanya ini tolol dan jahil.

Sekali lagi di sini kita tidak hendak menyertai atau pun membela sesuatu dalam hal ini, tetapi yang kita tidak gemar ialah perbuatan-perbuatan seperti orang-orang di kaki lima, perkataan-perkataan seperti orang di tepi jalan itu dikeluarkan oleh orang-orang yang terkemuka sehingga kelak orang menyangka beginilah keadaannya tokoh-tokoh Islam.

Kita sangat berduka cita melihat langkah Tuan Haji Mas 'ud Hayati sedemikian itu kasarnya. Mengapa beliau tidak menunjukkan sebagai seorang ulama ataupun sekurang-kurangnya seorang Islam yang terkemuka, membantah fatwa itu dengan memberi hujah-hujah dan alasan-alasan sama ada dengan nas al-Qur'ān ataupun al-ḥadīth? Mengapa beliau tidak membahasnya



Gambar kenang-kenangan Ketua-Ketua Pelajar Kuliah al-lughah wa al-dīn al-Sulṭān Abu Bakar Pahang, bagi tahun 1960. Duduk di tengah-tengah ialah saudara Ikhwan Mu'min, Ketua Umum.

secara ilmiah? Umat Islam gemar akan perbincangan yang bersifat ilmiah supaya mereka mendapat faedah daripadanya tetapi umat Islam amnya tidak suka mendengar orang mentololkan seseorang apabila orang yang ditololkan itu seorang ulama seperti Tuan Syed Alwi bin Tahir al-Haddad, yang walau bagaimanapun beliau dikenali sebagai seorang ulama yang terkemuka. Jika hujah-hujah beliau salah, bahas dan bangkang dengan hujah-hujah.

Terlanjur kita menulis ini, kita suka pula di sini memberi sedikit ingatan kepada Tuan Mufti Johor tentang mengeluarkan fatwa-fatwa beliau. Orang-orang awam menerima fatwa-fatwa itu dan memikirkannya; demikian juga ulama yang lainnya. Berilah hujah-hujah yang baik, berilah keterangan-keterangan dan alasan-alasan, tetapi orang tidak gemar mendengar kata-kata yang lewa mengkafirkan orang kerana orang tahu tidak ada hak manusia mengkafirkan seseorang sebab hak itu hak Allah.

Orang juga tidak suka dan tidak gemar cara-cara beliau menjawab sesuatu masalah yang tidak menepati kepada persoalannya. Beliau selalu pula menepuk dada seolah-olah tidak ada orang-orang lain yang alim selain daripada beliau dan tidak ada membaca kitab seperti beliau, dan terus mendatangkan tuduhan-tuduhan ke atas orang-orang yang membahas hujah-hujah beliau ialah orang-orang yang jahil yang tidak mesti di layan beliau. Beliau rupanya lupa akan perkataan yang berhikmah daripada nenda beliau, Ali bin Abi Talib *karama Allāhu wajhah*, yang berkata: “Jangan dipandang siapa yang mengatakannya, pandanglah apa yang dikatakannya.”

Janganlah hendak mengecil-kecilkan orang lain jika beliau mau mendirikan hujah, tumpahkanlah ilmu beliau seluas-luasnya di dalam masalah itu – tidak membabit ke sana sini, mengkafirkan dan mengecil-kecilkan orang. Hal ini tentu beliau sendiri tahu bencananya.

Akibat yang didapati daripada semuanya ini tidak lain dan tidak bukan, akhirnya menimbulkan bencana yang besar iaitu kelak orang-orang tidak akan menghormati kedudukan ulama-ulama kita. Perbuatan beberapa orang ulama yang tak dapat menahan dirinya daripada berkata-kata dengan kasar dan mengikut hawa nafsu – tidak menyeru dengan akhlak yang baik seperti yang dianjurkan oleh junjungan kita Muhammad (SAW) itu – adalah membabit kepada kedudukan lain-lain ulama yang beramal dengan ikhlas dan berjuang terus siang malam, dengan kadar dayanya, menyeru umat supaya tunduk, ruku' dan sujud kepada Tuhan seru sekalian alam.

Kita berharap seruan kita yang ikhlas ini difikirkan bersama untuk kebaikan dan kesucian agama kita.

Tulisan Jawi di Persekutuan

Persidangan UMNO di Kuala Terengganu telah menuntut supaya kerajaan Tanah Melayu tidak menganak tirikan tulisan Jawi. Mereka memandang bahawa selama ini, di sekolah terutamanya, buku-buku tulisan Rumi itulah yang diutamakan sedang tulisan Jawi tidak diendahkan.

Teguran dan perhatian ini sepatutnya mendapat perhatian yang besar daripada Kementerian Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu. Orang-orang harus masih berfikir bahawa sebab-sebabnya tulisan Rumi masih diutamakan adalah kerana sibuknya usaha-usaha mengadakan bacaan-bacaan Rumi sahaja. Tetapi didalam pada itu sepatutnya pula Kementerian Pelajaran tidaklah hendak melupakan tanggungjawabnya terhadap kepada perkembangan huruf Jawi yang besar ertinya untuk menyelenggarakan pelajaran agama Islam, yang menjadi agama rasmi di Persekutuan Tanah Melayu.

Dengan meninggalkan begitu sahaja huruf Jawi harus kelak menimbulkan tuduhan-tuduhan yang tidak digemari

iaitu kelak harus orang akan menuduh bahawa perjalanan kerajaan setelah merdeka ini adalah lanjutan daripada dasar-dasar penjajahan yang sengaja mengutamakan Rumi dan bercita-cita untuk membunuh huruf Jawi supaya perkembangan agama Islam terbenam.

Sekiranya kerajaan belum ada mempunyai kesanggupan di dalam hal ini, maka moleklah bagi kerajaan memilih buku-buku penerbitan dari luar untuk dijadikan bacaan, sekurang-kurangnya bacaan tambahan.

Juga patutlah kerajaan menyesuaikan dasar kerajaan mengakui Islam sebagai agama rasmi itu sekurang-kurangnya menggalakkan orang-orang Islam mengkaji hal ehwal agamanya dengan disambil-sambilkan mempelajari huruf Jawi. Buku-buku sejarah Islam atau pun sejarah Nabi mustahak dipelajari dan diutamakan.

Kita berasa benar hal ini perlu, sebab didalam masyarakat kita sekarang telah timbul suatu perasaan nampaknya kalau sifat pelajaran yang berbau agama Islam maka terasa oleh mereka sebagai sesuatu yang tidak berfaedah. Kerana itu mustahak sungguh dalam masa huruf Jawi dijadikan mata pelajaran maka disambilkannya pula di dalamnya mempelajari sejarah Islam.

Hal ini adalah menjadi suatu perkara yang bijak sekiranya Dewan Bahasa dan Pustaka mengambil bahagian yang penting di dalamnya. Tidaklah mengapa Dewan Bahasa menumpukan usaha-usahanya yang banyak di dalam huruf Rumi dahulu tetapi di samping itu biarlah Dewan Bahasa mencari kerjasama penerbit-penerbit untuk membanyakkan bacaan Jawi, terutamanya yang berisi ajaran-ajaran agama dan yang mengenai tawarikhnya. Dengan itu timbullah suatu galakan dan tidaklah orang-orang memandang bahawa tulisan Jawi itu dianak tirikan.